

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
Student Affairs Division

PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR

e NEWSLETTER

EDISI JUN 2021

EDITOR

PUAN HAWA BINTI OMAR

PENULIS

HARESSA HARYANI BINTI HAZMAN



pheputhm



hep.uthm.edu.my



heputhm

JUN 2021

14 JUN

TEMUBUAL CALON JAWATANKUASA PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UTHM (JPMP UTHM) SESI 2020/2021




Telah berlangsung sesi temubual calon JPMP UTHM Sesi 2020/2021 secara dalam talian. Sesi temubual ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Lokman Hakim Ismail, Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni). Turut serta di dalam sesi temubual ini adalah 12 panel penemubual yang terdiri daripada Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ), Pegawai dan wakil pelajar yang dilantik.

Sesi temubual ini melibatkan calon-calon pelajar yang telah menghantar borang permohonan melalui *Google Form* yang telah disediakan. Permohonan telah diterima daripada pelajar kampus Induk Parit Raja dan pelajar kampus Cawangan Pagoh. Selamat Maju Jaya diucapkan kepada semua calon yang telah memohon.

JUN 2021
18 - 19 JUN PERKHIDMATAN BAS UTHM



Perkhidmatan bas UTHM telah disediakan untuk membantu proses perpindahan pelajar-pelajar Kolej Kediaman Bestari ke Kolej Kediaman Perwira. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat menjayakannya. Semoga dipermudahkan segala urusan.

22 JUN
MESYUARAT JAWATANKUASA Pemandu PEMBERDAYAAN MAHASISWA BIL. 2/2021


Telah berlangsung Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pemberdayaan Mahasiswa Bil.2/2021 yang telah dipengerusikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Lokman Hakim Ismail, Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni). Mesyuarat kali ini telah bersetuju memperakukan syor panel temubual bagi pelantikan Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UTHM (JPMPP UTHM) Sesi 2021/2022.

JUN 2021
29 JUN
MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK MINGGU TRANSFORMASI MAHASISWA (MTM) PROGRAM DIPLOMA SEMESTER KHAS SESI 2021/2022

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM) Program Diploma Semester Khas Sesi 2021/2022 yang dipengerusikan oleh YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Lokman Hakim bin Ismail, Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) telah berlangsung pada 29 Jun 2021. MTM pada kali ini akan berlangsung mulai 01 Ogos hingga 05 Ogos 2021, sepenuhnya secara dalam talian. Dianggarkan seramai 1,050 mahasiswa baharu akan mendaftar program Diploma UTHM. Semoga MTM berjalan dengan lancar.


29 JUN
MESYUARAT PENGURUSAN PENGANGKUTAN PELAJAR : PENGURUSAN BAS KONTRAK UTHM


Telah berlangsung Mesyuarat Pengurusan Pengangkutan Pelajar : Pengurusan Bas Kontrak UTHM yang dipengerusikan oleh YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Lokman Hakim bin Ismail, Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni). Turut hadir adalah Puan Norliah binti Yaakub, Penasihat Undang-Undang, Puan Hawa binti Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar, En. Ainnul Ezwan bin Hassan, Timbalan Bendahari, Pejabat Bendahari, Pengurus/wakil syarikat-syarikat bas serta pegawai-pegawai UTHM. Perbincangan telah dibuat mengenai status kontrak bas kitaran Universiti bagi kampus induk Parit Raja dan kampus Cawangan Pagoh. Turut dibincangkan adalah mengenai bantuan kebajikan kepada semua pemandu bas yang terkesan dengan situasi pandemik COVID-19. Semoga keputusan yang dibuat memberi manfaat kepada semua pihak.

JUN 2021

INFO

AGIHAN BANTUAN KEBAJIKAN KEPADA PELAJAR BERKEPERLUAN BERSASAR JANUARI - JUN 2021

Melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP), pihak Universiti telah menerima banyak sumbangan dan tajaan daripada pelbagai pihak sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dijalankan di negara ini. Bagi tempoh Januari sehingga Jun 2021, agihan bantuan kebajikan kepada pelajar berkeperluan secara bersasar telah berjaya dilaksanakan dengan jumlah sumbangan yang diterima oleh Universiti adalah sebanyak RM1,150,905.00 dan telah memberi manfaat kepada sejumlah 6,349 pelajar yang berkeperluan dan pelajar kategori B40.

Selain itu, Food Bank Siswa dengan kerjasama KPDNHEP juga telah memberi sumbangan secara *inkind* berbentuk bantuan makanan kering kepada pelajar-pelajar di kolej kediaman. Tidak ketinggalan, inisiatif pihak Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) juga telah banyak membantu pelajar-pelajar yang berada di kampus dari segi mendapatkan keperluan makanan kering sepanjang PKP ini.

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan dan tajaan di atas keprihatinan terhadap pelajar-pelajar di UTHM. Jasa dan pengorbanan staf serta PTJ UTHM juga amatlah dihargai. Pihak Universiti akan sentiasa memastikan kesejahteraan dan kebajikan pelajar diberi keutamaan sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.

JUN 2021**INFO****E-MURAL SABIL AL-HIKMAH UTHM**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga UTHM yang telah menyumbang kepada Sabil Al-Hikmah melalui potongan gaji. Sehingga Jun 2021, seramai 68 staf yang telah memberikan komitmen tersebut demi kebajikan dan kesejahteraan pelajar UTHM.

Sabil Al-Hikmah merupakan program kebajikan yang menawarkan bantuan dalam skop yang lebih luas, iaitu tidak lagi hanya memberi tumpuan kepada pemberian bantuan kepada mereka yang kurang berkemampuan sahaja, tetapi ke arah perkhidmatan yang bercorak pengurusan dan pembangunan diri untuk melengkapkan pelajar dengan kebolehan atau kemampuan, supaya mereka dapat menikmati serta menyertai aktiviti pembangunan sosioekonomi yang ada dengan lebih lestari.

Sabil Al-Hikmah memfokuskan kepada lima jenis bantuan iaitu kewangan; makanan dan perkakasan; perumahan/pengangkutan/fasiliti; pengukuhan jati diri, sahsiah dan akademik; dan sosio-keusahawanan. Ke arah merealisasikan Teras Utama Universiti menerusi kluster UTHM Prihatin, semua warga UTHM amat dialu-alukan untuk turut serta membantu meringankan beban pelajar yang memerlukan. Kesungguhan dan komitmen yang diberikan akan sentiasa dikenang dan dihargai. Semoga dirahmati dan diberi ganjaran pahala yang berterusan olehNya.



JUN 2021

INFO

TAKWIM MESYUARAT JAWATANKUASA DANA IHSAN 2021

Takwim Mesyuarat Jawatankuasa DANA IHSAN 2021

17 FEBRUARI 2021 (RABU)	15 JUN 2021 (SELASA) <small>Tarikh tutup permohonan adalah 10 Jun 2021</small>	28 JULAI 2021 (RABU)	15 DISEMBER 2021 (RABU)
--------------------------------------	--	-----------------------------------	--------------------------------------

* Semua permohonan bantuan dana ihsan hendaklah dimohon melalui **Google Form** sebelum 1 minggu tarikh mesyuarat diadakan
 * Berikut adalah pautan **Google Form** : <https://forms.gle/WhGtp51ycNFUoqb69>
 * Sebarang pertanyaan boleh hubungi di talian 07-456 4008 (Puan Suhailah) & 07-453 3438 (Encik Abd. Aziz) atau boleh email ke suhailah@uthm.edu.my & adzah@uthm.edu.my

Pejabat Hal Ehwal Pelajar **HEP**

INFO

SUMBANGAN BANTUAN KOMPUTER RIBA KEPADA PELAJAR BERKEPERLUAN

Sumbangan Bantuan KOMPUTER RIBA Kepada Pelajar Berkeperluan

Sumbangan bertujuan untuk mengumpulkan dana daripada individu atau syarikat bagi pembelian komputer riba untuk pelajar berkeperluan.
 Sumbangan boleh disalurkan melalui salah satu saluran seperti berikut :

1 Nama Bank : **Bank Rakyat**
1101-6862-75
 Nama Akaun : **Yayasan UTHM**
 Catatan : **Bantuan Komputer Riba**

2 **toyyibPay**

Penyumbang yang memerlukan resit rasmi (untuk **PENGECUALIAN CUKAI**), sila bikan maklumat di pautan berikut :

PERTANYAAN :
 En. Falsalludin (Yayasan UTHM)
 013-779 6581
 Pn. Suhailah (Pejabat HEP)
 019-728 0399

Pejabat Hal Ehwal Pelajar **HEP**



HEP



heputhm



hep.uthm.edu.my



pheputhm

**Pejabat Hal Ehwal Pelajar,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor**